

27/03/2002

Patuhi instrumen syariah

Misiah Taib; Nor Liza Ahmad

KUALA LUMPUR, Selasa - Kegagalan memenuhi permintaan bagi pematuan instrumen syariah dalam pasaran modal akan menyebabkan umat Islam kembali bergantung sepenuhnya kepada produk konvensional berunsurkan riba dan 'gharar', kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, pembangunan produk kewangan Islam mesti dilihat sebagai tuntutan memenuhi 'fardu kifayah', apa lagi Malaysia mempunyai golongan intelektual, kekuatan dan kemahiran untuk dimanfaatkan bagi faedah masyarakat Islam secara keseluruhan.

"Di Malaysia, usaha untuk mempelbagaikan produk kewangan Islam boleh dianggap sebagai berjaya. Ia adalah hasil usaha tidak mengenal putus asa kalangan ulama, pengamal dan akademik Islam serta disokong kerajaan dan pengawal selia seperti Suruhanjaya Sekuriti (SC), Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Pasaran Modal Islam Antarabangsa dan Minggu Pasaran Modal Antarabangsa anjuran SC dan Institut Strategi dan Kepemimpinan Asia (Asli) di sini, hari ini.

Perdana Menteri gembira dengan pembabitan aktif dan berterusan golongan ulama bagi memastikan pasaran modal di negara ini mematuhi standard serta prinsip syariah.

Katanya, penyertaan dan sumbangan ulama amat diperlukan untuk memastikan kejayaan dan pembangunan berterusan pasaran modal Islam.

Dr Mahathir berkata, walau pun wujud perbezaan pandangan serta pendapat di kalangan ulama terhadap tafsiran syariah, ia tidak harus dijadikan alasan untuk tidak mengambil sebarang tindakan.

Sebaliknya, ia harus dianggap sebagai cabaran serta peluang kerana perbezaan pandangan dan pendapat, pasti akan membawa kepada analisis serta penilaian yang lebih mendalam.

"Ia juga harus dianggap sebagai peluang kerana ia akan membawa kepada kekuatan 'ijtihad' di kalangan ulama serta peluang untuk mencuba sesuatu yang baru," katanya.

Perdana Menteri berkata, bagi mencapai kemajuan yang lebih tinggi, adalah perlu ulama menuju ke arah satu titik pertemuan terhadap tafsiran syariah.

"Kita perlu memikirkan secara mendalam tafsiran pengajaran Islam dan bagaimana hendak mengaitkan iadengan perkara berkaitan kewangan masa depan. Pada masa yang sama, kita memenuhi 'maslahah' (kepentingan umum) dan 'umum balwa' ummah," katanya.

Dr Mahathir berkata, dalam mencapai matlamat itu, al-Quran dan Sunnah akan menjadi panduan mutakhir serta disokong penggunaan 'qiyas' dan 'ijma' menerusi proses 'ijtihad'.

Beliau turut menekankan pentingnya teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam semua urusan kehidupan dan umat Islam khususnya tidak harus menyisihkan diri daripada revolusi maklumat.

Islam tidak pernah mengajar umatnya menolak teknologi dan kemodenan termasuklah ICT.

"Pasaran modal Islam adalah mengenai pematuan kepada prinsip syariah. Oleh itu, adalah perlu untuk kita memanfaatkan kemajuan ICT bagi memastikan kecekapan, keberkesanan dan daya saing produk serta pasaran kita," katanya.

Dr Mahathir turut menyentuh mengenai pentingnya pasaran modal

memperuntukkan dana mencukupi untuk menjana pertumbuhan, bagi memastikan tidak hanya bergantung kepada modal asing,

Katanya, pelaburan langsung asing (FDI) sebenarnya bukan hanya bermaksud membawa masuk modal, sebaliknya lebih kerap berlaku di mana modal itu dipinjamkan dari sumber tempatan dan digunakan bagi membayar jentera import sehingga berlaku pengaliran keluar lebih banyak modal berbanding pengaliran masuk.

"Oleh itu, perlu bagi kita memastikan pasaran modal, malah seluruh sistem kewangan kita menjadi lebih kukuh," katanya sambil menambah perkara itulah yang menjadi punca kerajaan memperakui Pelan Induk Pasaran Modal dan Pelan Induk Sektor Kewangan yang disediakan SC dan BNM, sebelum ini.

(END)